



# Seruan Islam

## Menyempurnakan Dakwah Islamiyyah

(Oleh: Muhammad Ali al-Hamidi)

Bagaimana cara melaksanakan dakwah Islamiyyah?

Cara yang utama untuk melaksanakan dakwah Islamiyyah

telah diajarkan oleh 'Azza wa Jalla dengan firman di dalam

al-Qur'an al-Karim:

“*Ud'u ila sabili rabbika bi al-hikmati wa al-maw'izati al-hasanati wa jadilhum bi al-lati hiya ahsanu inna rabbaka huwa 'a'lamu bi man dalla 'an sabilihi wa huwa 'a'lamu bi al-muhtadin.*”

(surah al-Nahl, 125).

Ertinya: “Serulah ke jalan Tuhanmu dengan bijaksana

dan nasihat yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara

yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu ialah yang lebih

mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan

ialah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang beroleh petunjuk.”

Kalau kita kumpulkan pendapat mufassirin, maka dapat kita katakan, bahawa yang dimaksudkan dengan hikmah dalam ayat yang tersebut tadi ialah membawakan bukti-bukti keterangan yang kuat dan yakin, yang dapat menyatakan hak dan menghilangkan perasaan ragu-ragu.

Cara dengan hikmah itu, amat baik digunakan terhadap orang-orang yang terpelajar dan ahli fikir, yang selalu menimbang sesuatu perkara secara mendalam berfikir. Sekiranya dapat disampaikan keterangan-keterangan agama yang kuat dan melemahkan akal mereka untuk menolaknya, atau dengan keterangan yang tepat dan tak dapat ditolak kebenaran, maka besar harapan akan lekas diterimanya.

*al-Mau'izah al-hasanah* atau nasihat yang baik, maksudnya di sini, iaitu membawakan dalil-dalil yang berat sehingga dapat memuaskan perhatian ((awam)). Cara ini sangat baik dipakai untuk orang-orang awam, kerana mereka lebih suka mendengar nasihat yang baik daripada perkara-perkara yang harus berfikir berat.

Di antara manusia ada pula yang bersifat degil dan pembantah yang dibuat, atau suka memutar balikkan kenyataan, yang hak dikatakan batil (salah) dan sebaliknya. Maka kepada golongan ini amat baik digunakan jalan mujadalah, bertukar fikiran atau berbahas dengan cara yang sebaik-baiknya.

### Tiga cara

Disuruh kita menggunakan tiga cara tadi oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, kerana ia amat mengetahui tentang siapa yang sesat dari jalannya dan siapa pula yang beroleh petunjuk.

Demikianlah petunjuk Tuhan, yang telah dijalankan oleh

Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dan sahabat-sahabatnya, sehingga membawa perubahan besar di kalangan umatnya: dari bodoh menjadi cerdik, dari sesat menjadi terpimpin, dari hina menjadi mulia, dan dari celaka menjadi selamat.

Sekarang biarlah kita jelaskan cara kebijaksanaan Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dalam menjalankan dakwah Islamiyyah itu. Di sini saya sebutkan beberapa macam sahaja bagi contoh:

1. Di dalam menyampaikan dakwah Islamiyyah (seruan Islam), Nabī biasanya memilih waktu yang tepat, yang lapang dan menggembirakan perhatian pendengarnya.
2. Perhatian umum kadang-kadang digerakkannya supaya ingin mengetahui perkara yang sedang diterangkannya, dengan menggunakan pertanyaan, umpamanya seperti: “Tahukah kamu apa hak Allah atas hamba-Nya?” atau seperti pertanyaan: “Mahukah kamu Aku khabarkan dosa yang besar sekali?” Pertanyaan yang demikian ini diulang sampai tiga kali untuk menarik perhatian pendengar.
3. Nabī dapat mengikuti adat kebiasaan yang tidak berlawanan dengan hukum agama untuk menjalankan dakwah Islamiyyah itu. Seperti Baginda membuat cincin (mohor) yang berukir namanya: ((Muḥammad Rasulullāh)), kerana ada yang memberitahu kepada Baginda, bahawa raja-raja pada zaman itu tidak mahu memperhatikan surat-surat yang tidak memakai cap mohor, sedang Baginda memang hendak mengiriskan surat-surat kepada raja-raja dan orang-orang besar negara lain, untuk mengajak mereka memeluk Islam.
4. Kadang-kadang Baginda membiarkan satu perkara yang dipandang tidak berbahaya, kerana menjaga perasaan

dan menghindarkan fitnah, seperti Baginda tidak mengubah Ka‘abah untuk dibangunkan semula menurut asas Nabī Ibrāhīm, kerana melihat kaumnya masih baharu benar keluar dari pengaruh jahiliyyah, (dan barangkali mereka enggan menerima perubahan itu).

5. Baginda juga menggunakan wang-wang, untuk menjinakkan hati orang-orang yang masih baharu memeluk Islam dan hidup dalam sengsara kerana dipulaukan oleh kaum keluarganya dan bangsanya.
6. Baginda memberikan maaf dan membebaskan orang-orang kafir yang boleh dikenakan hukuman, sehingga kerana itu mereka memeluk Islam.
7. Ada kalanya Nabī menjinakkan hati orang itu dengan memberikan kedudukan yang baik dan dengan kata-kata yang lemah lembut, seperti yang Baginda berikan kepada kaum Anṣār, untuk menjaga perasaan hati mereka, kerana mereka tidak mendapat bahagian ghanimah (rampasan perang – P.) sebagaimana yang diberikan kepada kaum Muhajirin, yang memang sangat berhatihati dengan meninggalkan rumah tangga dan harta bendanya.
8. Baginda juga telah menggunakan kata-kata yang lemah lembut dan meninggalkan kata-kata yang keras, dan Baginda memberi maaf dan tidak mengenakan hukuman, seperti yang telah dilakukannya terhadap pasukan berpanah dari tentera Islam yang telah ditempatkan di atas gunung Uhud (Uḥūd), lalu mereka meninggalkan tempat masing-masing dengan tidak meminta izin Nabī, sehingga menyebabkan kaum Muslimin banyak yang terkorban di dalam peperangan itu.

Disebabkan caranya yang elok dan budi pekertinya yang tinggi, maka banyaklah orang-orang kafir yang datang kepadanya untuk memeluk Islam, manakala sahabat-sahabat Baginda pula semakin rapat kepadanya, sehingga Allah ‘Azza wa Jalla memberikan pujian yang tinggi di dalam al-Qur’ān al-Karīm, firmanNya:

*“fa bi ma rahmatin minna Allāhi linta lahum wa law kunta fazzan ghalīza al-qalbi lā infaddū min ḥawlika fa I’fu ‘anhum wa istighfar lahum wa shāwirhum fi al-‘amri fa idha ‘azzamta fa tawakkal ‘alā Allāhi inna Allāha yuhibbu al-mutawakkilīn.”*

(159, Āli-‘Imrān).

Ertinya: “Maka dengan rahmat dari Allah lah engkau (Ya Muḥammad) telah berlaku lembut terhadap mereka, sebab jika engkau kasar, keras hati, nescaya mereka berpecah dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka, dan mintakan ampun untuk mereka, dan ajaklah mereka bermesyuarat di dalam urusan itu, maka apabila engkau berazam, maka tawakallah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah itu mengasihi orang-orang yang bertawakal.”

Masih banyak lagi cara-cara kebijaksanaan Nabī dalam menyampaikan dakwah Islamiyyah, yang patut dipelajari dan ditiru dan ditauladani oleh orang-orang yang menjalankan tabligh dakwah islamiyyah, supaya usaha mereka membawa hasil yang baik.

Adapun cara yang digunakan dalam menyampaikan dakwah Islamiyyah itu, dapat dilakukan menurut kecekapan dan kessanggupan orang-orang yang menjalankan seruan Islam itu sendiri, kerana watak manusia itu berlainan, ada pada seorang yang tidak ada pada orang lain. Ada yang pandai dengan cara orang seorang, sambil memperkatakan perkara lain tetapi disampaikan di dalamnya seruan Islam itu. Ada pula yang pandai menulis, dan

tulisannya lebih lekas diterima orang dari kata-kata yang diucapkannya. Dan lain-lain cara lagi, dengan mengingat akan orang-orang yang dihadapinya.

Di dalam menjalankan cara itu, perkara yang mustahak diingat pula, iaitu jangan sampai orang yang tabligh itu menghalalkan yang haram dan membenarkan yang batil (yang salah) atau sebaliknya, kerana hendak mendapatkan simpati dan pengikut-pengikut yang banyak.

Dakwah Islamiyyah itu memang mustahak kepada cara dan siasah yang mulia, sebagaimana setiap faham dan aliran yang lain menggunakan cara dan siasah dalam propagandanya. Kadang-kadang mereka menggunakan cara dan siasah kotor. Tetapi dakwah Islamiyyah itu tidak perlu, sekali lagi tidak dan tidak perlu menggunakan siasah kotor itu, kerana pada kita masih banyak dan cukup jalan-jalan suci dan bersih untuk dilaluinya. Kerana dengan menggunakan siasah kotor, orang ramai yang tertarik pun boleh terbawa kotor dan rosak budi pekertinya, jadi pendusta, mungkir janji dan penipu.

Kita sebagai umat Islam yang membawa kebenaran, hendaknya menyampaikan kebenaran agama kita itu dengan kebenaran, atau dengan lain perkataan: *“da ‘wah al-ḥaq bi al-ḥaq”*, yakni ajakan kebenaran dengan kebenaran.

Cara yang diperlukan dalam dakwah Islamiyyah itu, iaitu tahu menggunakan keras di tempat yang perlu keras, dan lembut yang memerlukan kelembutan, dan dapat meraba dengan cepat perkara-perkara di tempat yang dapat menarik perhatian.

“Hati itu mempunyai kemahuan, penerimaan dan penolakan. Maka datangilah dari jurusan kemahuan

dan penerimaannya. Kerana hati itu apabila dipaksa menjadi buta.”

Dari semua huraian dan keterangan yang saya sampaikan itu dapat diambil kesimpulan:

1. Dakwah Islamiyyah (seruan Islam) itu hukumnya wajib bagi sekelompok dari kaum Muslimin yang berkesanggupan dan mempunyai persediaan.
2. Sangat perlu adanya dakwah Islamiyyah itu pada masa kita sekarang ini, yang sudah dibuktikan dengan kenyatannya, bahawa dengan semata-mata akal fikiran tidak dapat membawa manusia ke jalan kejayaan dan

keselamatan, terutamanya untuk kebaikan

dan di akhirat. Dan bahawa kejahatan dan maksiat

sudah dipandang ringan, bid'ah dipandang sunnah, dan sebagainya.

3. Pertunjuk untuk menyampaikan dakwah Islamiyyah dan cara-caranya umat sempurna diterangkan di dalam al-Qur'ān dan hadith, dan juga dari pandangan sahabat Nabī.
4. Usaha menyampaikan dakwah Islamiyyah itu masih terbuka dengan lisan (lidah), tulisan dan perbuatan.

## Baginda 'Alī Harimau Allah

Sebuah buku riwayat Saiyidina 'Alī bin Abī Ṭālib,

*karrama Allāh wajhah*, buah qalam pujangga arab yang terkenal, Abbas Mahmud

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)

al-'Aqqad.

Saiyidina 'Alī bukan sahaja seorang pahlawan Islam yang terbilang gagah beraninya tetapi juga seorang yang arif bijaksana dan luas

ilmunya sehingga telah digambarkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*

dalam sebuah hadithnya (riwayat al-Tirmizi):

“*Ana dar al-ḥikmah wa 'Alī bābuha.*”

“Aku ialah gedung ilmu pengetahuan dan 'Alī ialah pintunya”!

Bacalah riwayat hidupnya yang semerbak harum dan menyegarkan serta senghidupkan semangat keislaman.

Dua penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20 sahaja, belanja mengirimnya 10 sen.



Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura